



NEGERI SEMBILAN

KLASIK... Perarakan 30 kereta klasik yang julung kali dipertontonkan pada sambutan Hari Kebangsaan di Seremban dibawakan khas oleh Kelab Kereta Klasik dan Antik Negeri Sembilan.



Kontinjen Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan mewarnai acara perbarisan dan perarakan sambutan Hari Kebangsaan ke-67 peringkat Negeri Sembilan di Seremban.

NEGERI SEMBILAN

YANG di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Tuanku Munawir dan Tuanku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud, turut berangkat mencemar duli pada majlis berkenaan yang turut disertai lebih 20,000 pengunjung pelbagai lapisan masyarakat, di perkarangan dataran Majlis Bandaraya Seremban.

Lebih 80 kontinjen mem-babitkan 5,000 peserta menyertai perbarisan sambutan Hari Kebangsaan kali ini.